

www.mdkl.gov.my EDARAN PERCUMA | JULAI - SEPTEMBER 2017

BULETIN

MDKL



EDISI
NO.3

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
KUALA LANGAT INDAH DAN HARMONI



*Majlis Menandatangani
Tkrar Bebas Rasuah*

PERUTUSAN YDP

Yang Berbahagia,

Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, *P.P.T.*



Assalamualaikum wbt.

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita diberi kesempatan untuk bertemu dalam buletin edisi yang ke-3 ini. Penerbitan buletin ini sedikit sebanyak dapat dijadikan bahan informasi kepada pembaca mengenai aktiviti dan program yang telah dianjurkan oleh pihak MDKL.

Keberhasilan sesuatu perancangan adalah hasil daripada sinergi yang berfungsi antara semua warga di sesebuah organisasi. Kerjasama erat yang dijalinakan dalam melaksanakan norma kerja menjadi penentu bagi pencapaian misi dan visi khususnya dalam sektor perkhidmatan awam. Peningkatan ini boleh mencetuskan kearah inovasi dan kreatif dalam proses kerja bagi meningkatkan penyampaian yang lebih berkualiti.

Oleh itu, sebagai penjawat awam yang bertugas di PBT, saya berharap agar semua pihak mengekalkan momentum kerja yang cemerlang dan mempertingkatkan usaha bagi memberikan perkhidmatan yang lebih bermutu dan menepati jangkaan pelanggan atau penduduk. Saya menyeru seluruh warga MDKL sentiasa menjaga etika, memelihara integriti serta mengutamakan tugas yang diamanahkan berbanding perkara yang tidak berfaedah dan kepentingan diri sendiri.

Akhir kata, semoga tahun ini semua perancangan yang telah disusun akan dapat dilaksanakan dengan jayanya dan warga Kuala Langat akan hidup dalam limpahan kesejahteraan, sentiasa bersatu padu dan harmoni selari dengan slogan "KUALA LANGAT INDAH DAN HARMONI"



SIDANG REDAKSI

Penaung

Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, *P.P.T.*
Yang Dipertua
Majlis Daerah Kuala Langat

Penasihat

Encik Mohd Yasin bin Alwi
Timbalan Yang Dipertua
Majlis Daerah Kuala Langat

Ketua Pengarang

Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramlan

Pengarang

Encik Mohd Shauki bin Jamaludin
Encik Mohd Khairuddin bin Soberon
Puan Fatin Iezati binti Md Ghazali

Penolong Pengarang

Encik Syamsol Herwan bin Ahmad
Encik Rizaki bin Jaapar
Puan Nurasykin binti Mohamed Yusoff
Encik Norhisham bin Othman

Jurufoto

Encik Samsul bin Zainun
Encik Ezzaq Effendie bin Ramli

Penerbitan buletin ini dikhususkan kepada pembaca Sektor Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di seluruh negara dan edaran secara percuma.

Segala tulisan, ilustrasi dan foto dalam buletin ini adalah hak milik penerbit dan tidak dibenarkan disiarkan tanpa kebenaran bertulis daripada pihak penerbit.

Diterbitkan oleh:

Unit Korporat dan Perhubungan Awam
Majlis Daerah Kuala Langat
Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03 3187 2825 / 2732 / 8957 / 1743 Faks : 03 3187 9304

E-mel : admin@mdkl.gov.my , aduan@mdkl.gov.my

Laman Sesawang : www.mdkl.gov.my



Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah

Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) telah mengadakan Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Majlis telah diadakan pada 18 Ogos 2017 bertempat di Kompleks Sukan Majlis Daerah Kuala Langat. Program ini merupakan salah satu inisiatif untuk memupuk sikap berintegriti dalam kalangan warga kerja MDKL dan komitmen yang serius untuk membanteras rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Pelaksanaan Ikrar Bebas Rasuah ini menyaksikan semua kakitangan MDKL melaksanakan lafaz ikrar yang diketuai oleh Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat agar tidak terlibat dalam gejala rasuah. Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah ini menyaksikan, Tuan Mohamad Zain bin A Hamid mewakili pihak MDKL, manakala SPRM Negeri Selangor diwakili oleh YBhg. Dato' Wan Ramli bin Wan Abdullah, Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Selangor.



Daulat Tuanku

MAJLIS RUMAH TERBUKA HARI RAYA AIDILFITRI PERINGKAT NEGERI SELANGOR



Majlis Rumah Terbuka Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Negeri Selangor Tahun 2017 telah diadakan pada 2 Julai 2017 bertempat di Padang Perbandaran MPAJ, Pandan Indah. D.Y.M.M. Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah dan Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Norashikin turut berkenan berangkat ke Majlis Rumah Terbuka tersebut. Dalam majlis itu, baginda turut berkenan menyampaikan sumbangan duit raya kepada kanak-kanak dan golongan kurang bernasib baik. Turut hadir di dalam majlis ini ialah Ketua Jabatan dan kakitangan, Ahli Majlis dan PeBT serta orang awam.

SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN PERINGKAT NEGERI SELANGOR



Majlis sambutan Hari Kemerdekaan peringkat negeri Selangor telah diadakan pada 30 Ogos 2017 bertempat di Dataran Kemerdekaan Shah Alam. Majlis sambutan yang bertemakan Selangkorku, Sehati Sejiwa telah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Program ini merupakan acara tahunan yang melibatkan seluruh agensi kerajaan mahupun sektor swasta dalam negeri Selangor. Majlis Daerah Kuala Langat telah menghantar kontijen perbarisan yang terdiri daripada anggota penguatkuasa seramai 51 orang pegawai dan kakitangan dalam majlis sambutan ini. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YAB. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, Dato' Menteri Besar Selangor.





Pada 7 – 17 September 2017 telah diadakan Selangor International Business Summit 2017 bertempat di Setia City Convention Centre, Shah Alam. Penganjuran ini pertama kali diadakan dengan tujuan untuk menjadikan negeri Selangor Gerbang Utama ASEAN sebagai satu hab perniagaan dan perdagangan di rantau ASEAN. MDKL yang diwakili Unit Pelaburan, Jabatan Perancangan Pembangunan telah turut serta mengadakan pameran berkenaan pembangunan di daerah Kuala Langat dan pelaksanaan Inisiatif Hijau. Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YAB. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, Dato' Menteri Besar Selangor.

SELANGOR INTERNATIONAL BUSINESS SUMMIT 2017



PROGRAM TRIAL RUN DAN OPERASI BAS SMART SELANGOR

Program Trial Run dan Operasi Bas Smart Selangor telah diadakan pada 27 Julai 2017 bertempat di Jalan Bunga Pekan 9, Banting. Turut hadir YBhg. Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat bagi merasai dan melihat kelancaran laluan baharu. Berdasarkan sambutan yang menggalakkan daripada penduduk daerah ini sejak Bas Smart Selangor beroperasi bermula 16 Mei 2016, MDKL telah diberikan sebuah bas tambahan bagi laluan baharu perkhidmatan bas Smart Selangor di kawasan pentadbiran MDKL. Dengan penambahan sebuah bas lagi menjadikan Kuala Langat mempunyai 4 buah Bas Smart Selangor termasuk sebuah bas gantian bertujuan untuk mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian dan sekaligus mengurangkan kesesakan jalan raya dan pencemaran alam sekitar.



Mengikut rekod yang telah dicatatkan, bermula Mei 2016 sehingga Jun 2017, jumlah penumpang bagi perkhidmatan bas percuma ini telah mencatatkan peningkatan berjumlah 266,249 orang penumpang, manakala dari Januari 2017 sehingga Jun 2017 sahaja mencatatkan sejumlah 156,957 penumpang. Perkhidmatan bas percuma akan memulakan operasi dari jam 6.30 pagi hingga 7.30 malam dengan kekerapan perjalanan selama 67 minit. di mana antara laluan baharu yang akan dilalui adalah seperti Banting – MDKL – Hospital Banting – IPD Kuala Langat – Taman Banting Baru dan berakhir di Hentian Banting. Turut hadir, Ahli Majlis, Ketua Jabatan dan Media.



Majlis Sarapan Pagi

YAB MENTERI BESAR BERSAMA PENDUDUK



Pada 4 Ogos 2017 telah diadakan Majlis Sarapan Pagi YAB. Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, Menteri Besar Selangor bersama penduduk bertempat di Warung Gintong, Bukit Changgang. Program santai ini telah dibuat Sempena Program Turun Padang YAB Menteri Besar ke daerah Kuala Langat dan Sepang. Program dianjurkan oleh Pejabat Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Pejabat Daerah Kuala Langat dengan bantuan semua Agensi Kerajaan Daerah Kuala Langat. Dato' Menteri Besar telah bersarapan bersama Ketua Jabatan Kerajaan Daerah dan penduduk kampung dengan disajikan pelbagai aneka makanan sarapan pagi yang terkenal di kawasan ini seperti nasi lemak, lempeng, kuih muih dan banyak lagi.



Karnival Sihat Selangor peringkat Daerah Kuala Langat tahun 2017 telah diadakan pada 30 September 2017 bertempat di Masjid Jami'ul Ehsani, Kampung Sijangkang. Karnival yang berkonsepkan kesihatan ini telah dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Majlis Daerah Kuala Langat adalah bertujuan untuk memupuk budaya sihat yang optimum dalam kalangan masyarakat disamping memberi kesedaran tentang kepentingan penjagaan kesihatan. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang karnival ini berlangsung, antaranya ialah acara 10,000 langkah, pameran kesihatan dan senamrobik serta promosi Skim Peduli Sihat. Majlis perasmian ini telah disempurnakan oleh Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu & Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi



Karnival Sihat Selangor

Peringkat Daerah Kuala Langat



Kemuncak Hari Inovasi MDKL 2017 telah dilaksanakan pada 8 September 2017. Sambutan ini diadakan bersama Perhimpunan Bulanan MDKL kali ke-4 tahun 2017 yang telah dihoskan oleh Unit Pusat Setempat dan Unit Perundangan. Majlis berlangsung di Dewan Seri Jugra, Telok Datok.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang Anugerah Inovasi Peringkat Daerah Kuala Langat 2017 yang telah diadakan pada 10 Ogos 2017 turut diadakan dan telah disampaikan oleh YBhg Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat.

Dalam majlis ini juga telah dilaksanakan Majlis dan Gimik Pelancaran Buku Laporan Tahunan MDKL 2016, Pelancaran Buku Pelan Strategik ICT MDKL 2016-2020 dan Manual Pelaksanaan dan Pelan Pengurusan Risiko MS ISO 9001:2015 MDKL. Turut hadir Ahli Majlis, pegawai dan kakitangan MDKL serta pemenang Anugerah Inovasi Peringkat Daerah Kuala Langat 2017.

HARI INOVASI MDKL 2017



ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR (AINS)



PERINGKAT KUALA LANGAT

Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) Peringkat Kuala Langat Tahun 2017 telah diadakan pada 10 Ogos 2017 bertempat di Dewan Seri Jugra, Telok Datok. Tujuan diadakan adalah untuk menyemarakkan lagi budaya inovasi serta memastikan sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih cepat, cekap dan berkesan. Sebanyak 41 penyertaan yang meliputi dua (2) kategori iaitu Kategori Sektor Awam, Idea Asal / Prototaip dan Akar Umbi dan kategori IPT & Sekolah. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat. Turut hadir Ahli Majlis dan ketua -ketua jabatan.





MDKL telah mengadakan Sambutan Kemerdekaan ke-60 di perkarangan parkir MDKL dan sebagai usaha melancarkan aktiviti kibar Jalur Gemilang peringkat MDKL bagi menyemarakkan lagi bulan Kemerdekaan. Disamping itu, bagi mengeratkan lagi hubungan antara MDKL dan Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang), sebanyak 75 penunggang motosikal yang menyertai Konvoi Merdeka daripada Kelab Sukan Majlis Majlis Perbandaran Sepang telah disambut dalam satu acara ringkas. Selain daripada itu, konvoi berkenaan bertujuan untuk mempromosikan Pesta Pantai Bagan Lalang 2017 yang akan berlansung pada 9 dan 10 September 2017. Turut serta, mengetuai konvoi merdeka MPSepang ialah Tuan Muhammad Hafiz bin Shaari, Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang.



SAMBUTAN HARI PANTAI SEDUNIA 2017



Pada 16 September 2017 telah diadakan program pembersihan pantai secara serentak di dua (2) lokasi iaitu di Pantai Morib dan Pantai Cunang. Tahun 2017 merupakan Sambutan kali ke-31 bagi Sambutan Hari Pembersihan Pantai Sedunia yang dicetuskan oleh Ocean Conservancy (sebuah badan yang menguruskan Acara Pembersihan Pantai Sedunia). Inisiatif ini merupakan salah satu program bertaraf antarabangsa yang bertujuan mencari sukarelawan bagi menjaga kebersihan kawasan pantai di setiap negara.

Lokasi :

1. Pantai Morib, Morib oleh Body Shop Malaysia Sdn. Bhd.
2. Pantai Cunang, Tanjung Sepat oleh Amcor Tobacco





LAWATAN SAMBIL BELAJAR MAJLIS PERPANDARAN SUNGAI PETANI KEDAH (MPSPK)

Pada 14 September 2017, seramai 16 orang delegasi yang terdiri daripada Ahli Majlis dan pegawai MPSPK telah berkunjung ke MDKL bagi mempelajari teknik pelaksanaan serta impak keberkesanan pengurusan letak kereta Sistem Park By Phone. Perkongsian ilmu ini dapat membantu MDKL dan MPSPK meningkatkan kecekapan dalam menyediakan perkhidmatan pengurusan tempat letak kereta terbaik.



LAWATAN KERJA MDKL KE MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU



Majlis Daerah Kuala Langkat telah mengadakan lawatan kerja ke Majlis Perbandaran Kota Bharu, Kelantan pada 27 – 29 Ogos 2017. Seramai 21 orang delegasi MDKL telah berkunjung ke MPKB untuk mempelajari dan berkongsi pengalaman tentang pengurusan sendiri petak parkir berbayar oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu. Ini kerana, pihak Majlis Daerah Kuala Langkat melalui Bahagian Pengurusan Hasil bercadang untuk menguruskan petak parkir berbayar ini secara “in house” bermula Januari 2020. Selain daripada itu, lawatan tersebut dapat memberi pendedahan dan bertukar-tukar idea berkaitan pengurusan tempat letak kereta disamping permasalahan utama yang dihadapi serta cara menanganinya. Kunjungan lawatan diketuai oleh Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, Tuan Yang Dipertua MDKL.



Jamuan Aidilfitri KUALA LANGAT

Majlis Daerah Kuala Langat telah mengadakan Majlis Jamuan Aidilfitri pada 21 Julai 2017 bersamaan 27 Syawal 1438 Hijrah. Majlis yang gilang-gemilang turut dimeriahkan dengan persembahan oleh kakitangan dari pelbagai Jabatan dan Unit. Selain itu, turut diadakan pertandingan hiasan gerai tercantik mengikut Jabatan dan Unit bertemakan retro atau arab. Majlis jamuan ini diadakan adalah bertujuan bagi meraikan kemeriahan aidilfitri bersama-sama kakitangan dan juga orang awam. Pada majlis ini juga turut diadakan kempen tanpa polisterin di mana setiap pengunjung yang hadir perlu membawa bekas makanan dan minuman sendiri bagi memberi kesedaran kepada kakitangan dan orang awam tentang bahaya penggunaan bahan tersebut. Disamping itu, turut mempromosikan kempen #bebasplastik seperti saranan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Turut hadir di dalam majlis ini, YB Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.



Kejohanan Karom Terbuka Kuala Langat 2017 telah diadakan pada 29 Julai sehingga 30 Julai 2017 bertempat di Dewan Kompleks Sukan MDKL. Kejohanan yang merupakan edisi ke-4 ini telah mendapat penyertaan sebanyak 118 peserta bagi kategori perseorangan manakala kategori beregu telah disertai oleh 104 pasukan dari dalam dan luar Kuala Langat. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Encik Miskon bin Hj. Karim, Penolong Setiausaha, Majlis Daerah Kuala Langat. Hadiah keseluruhan berjumlah RM 8,100.00 telah ditawarkan dalam kejohanan tersebut.



KEJOHANAN KAROM TERBUKA KUALA LANGAT 2017



PROGRAM MAJLIS SUAI MESRA MPP DAN PeBT 2017



Pada 17 September 2017 bertempat di ARL Bowl, Alamanda Putrajaya telah diadakan Program Majlis Sui Mesra MPP dan PeBT. Penganjuran program ini bertujuan menjalinkan ukhuwah serta mengeratkan lagi hubungan antara MPP, PeBT dan Pengurusan Tertinggi Majlis Daerah Kuala Langat agar mereka dapat berkomunikasi dengan baik supaya dapat memberikan impak tinggi dalam berkomunikasi demi meningkatkan mutu perkhidmatan kepada masyarakat dalam daerah Kuala Langat.





PENILAIAN PERTANDINGAN SUDUT-KITAR SEMULA

Penilaian Pertandingan Sudut Kitar Semula Terbaik Sempena Kempen 3R (Reduce, Reuse, Recycle) Peringkat Daerah Kuala Langat Tahun 2017 bermula 21 Ogos hingga 25 Ogos 2017. Program ini anjuran bersama Jabatan Perancangan Pembangunan dengan Pejabat Pelajaran Daerah Kuala Langat. Pertandingan ini mendapat penyertaan daripada 20 buah sekolah menengah dan rendah dalam daerah Kuala Langat. Kriteria penilaian terdiri daripada kreativiti, keberkesanan aktiviti, mesra pengguna dan penglibatan pelajar. Pertandingan ini juga dapat memberi manfaat dan kesedaran kepada warga pendidik dan terutama pelajar bagi meningkatkan daya usaha dalam melatih generasi muda untuk mempraktikkan amalan kitar semula dalam kehidupan seharian, sekaligus menanam sikap cintakan alam sekitar.



ANUGERAH LANDSKAP TERBAIK SEKOLAH MENENGAH

Pada tahun ini, Jabatan Landskap telah menganjurkan Anugerah Landskap Terbaik Sekolah Menengah Peringkat Daerah Kuala Langat. Penganjuran ini diadakan bagi menarik minat pelajar-pelajar dan guru-guru untuk mengindahkan kawasan persekitaran sekolah bagi memupuk minat dan bersama-sama menjaga persekitaran yang cantik dan sihat. Bermula 21 Ogos hingga 25 Ogos 2017 telah menjalankan sesi audit terhadap 4 buah sekolah yang menyertainya. Penilaian diteliti dari segi 3 kriteria iaitu keceriaan landskap, kebersihan kawasan dan penglibatan pelajar.





MAJLIS IBADAH KORBAN KSK MDKL TAHUN 2017



Majlis ibadah korban anjuran Kelab Sukan & Kebajikan, Majlis Daerah Kuala Langat Tahun 2017 telah diadakan pada 4 September 2017 bersamaan 13 Zulhijjah 1438 Hijrah. Majlis ini merupakan program tahunan yang dikelolakan oleh Biro Agama, Kelab Sukan dan Kebajikan MDKL. Pada tahun ini, dua ekor telah dikorbankan. Seramai 70 orang warga MDKL terdiri daripada pegawai dan kakitangan bersama sama bergotong-royong memasak dan mengagihkan daging korban serta mengadakan majlis tahlil ringkas.





MAJLIS PENYERAHAN BENDERA KONTIJEN KUALA LANGAT

Majlis Penyerahan Bendera Kontijen Kuala Langat Ke Kejohanan Sukan Selangor (SUKSES) Kali Ke-12 Tahun 2017 telah diadakan pada 14 Julai 2017 bertempat di Saha Coffee & Fruit Bar, Banting. Program ini anjuran Majlis Daerah Kuala Langat bertujuan untuk memberi sokongan dan motivasi kepada kontijen Kuala Langat untuk bertanding pada Kejohanan Sukan Selangor (SUKSES) kali ke-12 2017 serta sesi penyerahan bendera serta peruntukan kepada pengurus-pengurus sukan. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBhg. Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat merangkap Pengerusi Majlis Sukan Daerah Kuala Langat.



KEJOHANAN SUKAN SELANGOR (SUKSES) KALI KE-12



Kejohanan Sukan Selangor (SUKSES) merupakan acara sukan dwi-tahunan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Majlis Sukan Negeri Selangor. Sempena Kejohanan Sukan Selangor (SUKSES) kali ke-12 tahun 2017, sebanyak 17 jenis sukan dipertandingkan. Dua acara iaitu memanah dan bola keranjang telah diadakan dalam daerah Kuala Langat pada 19 hingga 23 Julai 2017. Pertandingan tersebut diadakan di lokasi yang berasingan iaitu bagi acara memanah bertempat di Stadium Jugra, Telok Datok, manakala acara bola keranjang bertempat di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Jenjarom. Penyertaan bagi kedua-dua acara berkenaan disertai oleh kontijen di bawah 21 tahun di daerah seluruh Selangor.



OPERASI KAKI LIMA



Operasi Kaki Lima secara mengejut dilakukan pada 17 Ogos 2017 bertempat di Bandar Saujana Putra. Operasi tersebut tertumpu kepada peniaga-peniaga yang meletakkan kerusi dan meja di tempat letak kereta, aktiviti memasak di kaki lima kedai dan juga operasi pusat siber. Dalam operasi tersebut, anggota-anggota penguat kuasa cawangan Bandar Saujana Putra telah mengeluarkan sebanyak 19 kompaun bagi kesalahan meletakkan kerusi meja sebanyak 11 notis, halangan dapur sebanyak 7 notis dan pusat siber 1 notis. Kesalahan-kesalahan tersebut dikenakan tindakan kompaun di bawah Seksyen 46 (1) d Akta 133 dan UUK 22 UUK Pusat Siber Dan Kafe Siber MDKL 2007. Operasi diketuai oleh Bahagian Penguatkuasaan dan Keselamatan, Pejabat Cawangan Bandar Saujana Putra dan dibantu anggota penguat kuasa dari Ibu Pejabat MDKL.



Jabatan Penguatkuasaan telah menjalankan Operasi Sitaan Kereta Terlantar pada 6 Julai 2017 bertempat di bahu Jalan BSE 4/17, Bandar Seri Ehsan, Bukit Changgang. Kereta tersebut menyebabkan halangan di bawah sek. 46 (1) (e), Akta 133, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Operasi kereta atau kenderaan terlantar sentiasa dilaksanakan MDKL dari masa ke masa.



Operasi Sitaan Gerai Burger telah diadakan pada 11 Julai 2017 bertempat di Bandar Sungai Emas. Sitaan terhadap penaja menjalankan perniagaan tanpa lesen yang sah daripada MDKL. Kesalahan di bawah UUK 3, Undang-undang Kecil Penaja MDKL 2007.



Operasi sita iklan haram telah diadakan pada 12 September 2017 bertempat di Bandar Saujana Putra. Sebanyak 240 unit iklan haram telah disita. Kesalahan di bawah UUK 4 (b) Vandalisme (MDKL 2005) untuk notis kesalahan dan UUK 6 (1) Vandalisme (MDKL 2005) bagi tindakan sitaan. MDKL sentiasa menjalankan operasi iklan haram dari masa ke semasa.

OPERASI MEMADAM KEBAKARAN HUTAN SIMPAN



Operasi Memadam Kebakaran Hutan Simpan Kuala Langat Utara telah bermula pada 5 hingga 18 Ogos 2017 yang lalu. MDKL telah menggerakkan seramai 13 anggota Skwad PANTAS bagi membantu menjalankan kerja-kerja pemadaman yang melibatkan kebakaran seluas 95.39 hektar dengan keluasan keseluruhan berjumlah 958.49 hektar. Anggota PANTAS MDKL digerakkan setiap hari dalam operasi tersebut dan setiap kumpulan telah dibahagikan kepada empat orang anggota



PROGRAM AN JURAN MPP



NPP 1 (Encik Haikal Nizam bin Tokai)
- Program Pemukiman Kampung Tradisi (Kampung Sijanglang)



NPP 2 (Puan Rogayah binti Ibrahim)
- Menyampaikan sumbangan kepada warga petolok tambang (Taman Daman Perdana)



NPP 3 (Encik Rajan al Haniffarwan)
- Pengerahan Tong Sampah (Pekan Telok Panglima Garang)



NPP 4 (Encik Hasidani al Rausanah)
- Pembelian Cermin Mata dan Buku Latihan kepada Pelajar SKK Palan Cayi



NPP 5 (Encik Teh Eng Teok)
- Program Pemeliharaan Tempat Pembinaan Denggi (Taman Jaser)



NPP 6 (Encik Ang Eu Heng)
- Program Hasi Kitar Semula (Dewan Telok Panglima Garang)



NPP 10 (Encik Kalappan al Haniffarwan)
- Gotong Royong Sampah Haram Taman Bukit



NPP 11 (Encik Nadarwan al Subramani)
- Program Pengerahan Kad Pelati Sihat



NPP 15 (Encik Ang Lee Yong)
- Program Larian Festival



NPP 17 (Encik Mohd Afiq bin Taniman)
- Sambutan Hasi Merdeka Corp



NPP 18 (Encik Wong Kim Lora)
- Program Pengedaran Denggi Bersama Gombi Zoo 18



NPP 19 (Encik Gan Yee Chin)
- Program Pengedaran Tong Sampah 45 Bandar Mukohota



NPP 20 (Encik Mat Zaman bin Zaman)
- Sambutan Hasi Malaysia & Hiti Kasual Kesedaran Orang Asli Kuala Langat



NPP 21 (Encik bin Tan Yik)
- Sambutan Hasi Malaysia Bersama KRT Taman Banting Baru



NPP 22 (Encik Rizwan bin Rahmat)
- Program Daerah (Remaja Muslim Misedah Mantap, Jati Diri Hebat)



NPP 24 (Encik Farid Faizal bin Mohamed Rosally)
- Sambutan Hasi Raja Akiyofitisi (Taman Seri Daman)



Lawatan Sambil Belajar Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Unjur, Bukit Tinggi Klang telah diadakan pada 18 dan 19 September 2017. Seramai 160 orang pelajar dan 16 orang guru pengiring yang mengikuti lawatan ini secara berperingkat selama dua (2) hari. Tujuan lawatan adalah untuk mengenali dan proses pembelajaran pelajar berkenaan ke tempat tumpuan destinasi pelancongan, kawasan bersejarah, serta pusat perusahaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang terdapat di daerah Kuala Langat. Di antara tempat yang dilawati Istana Bandar, Muzium Insitu Jugra, Pusat Latihan Paragliding dan Perusahaan Ros Kerepek.

LAWATAN SAMBIL BELAJAR S.M.K. BATU UNJUR BUKIT TINGGI KLANG



LAWATAN SAMBIL BELAJAR S.K. KAMPUNG PENDAMAR KLANG

Lawatan Sambil Belajar Sekolah Kebangsaan Kampung Pendamar Klang telah diadakan pada 8 Ogos 2017 yang disertai seramai 31 orang pelajar dan 3 orang guru pengiring. Tujuan lawatan adalah untuk mengenali dan proses pembelajaran pelajar berkenaan ke tempat tumpuan destinasi pelancongan, kawasan bersejarah, serta pusat perusahaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang terdapat di daerah Kuala Langat. Di antara tempat yang dilawati adalah Ladang Teh Boh Seri Cheding, Pantai Morib, Istana Bandar, Makam DiRaja Bukit Jugra, Muzium Insitu Jugra, Gano Farm dan menginap di Hotel Impian Morib.



PROGRAM OPERASI GAGAK (OPS GAGAK) MDKL 2017



Program Ops Gagak 2017 merupakan antara inisiatif MDKL bagi mengurangkan populasi gagak dalam daerah Kuala Langat. Program ini telah diadakan serentak di seluruh daerah Kuala Langat pada 24 September 2017. Pelaksanaan Operasi Gagak adalah selaras dengan pelan tindakan penjagaan serta kualiti alam sekitar di bawah Jawatankuasa Kecil Kesihatan dan Persekitaran Local Agenda 21. Penganjuran yang memasuki edisi ke-6 mendapat penyertaan seramai 37 orang dan berjaya menumpaskan 1020 ekor gagak yang berjaya ditembak mati di dalam operasi ini. Impak yang dapat dilihat daripada penganjuran program ini adalah meningkatkan tahap kebersihan serta mewujudkan persekitaran yang baik sekaligus memberi keselesaan kepada masyarakat setempat dan mengurangkan aduan kacau ganggu haiwan tersebut.



MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT ANDA DIPERHATIKAN

Membuang Sampah Di Tempat Yang
Tidak Sepatutnya Adalah Satu Kesalahan

Dibawah Undang-Undang Kecil Pemungutan
Pembuangan & Pelupusan Sampah-sarap (MDKL) 2007
Dan Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran (MDKL) 1994

Pesalah boleh dikenakan tindakan:
Kompaun maksimum RM 1,000.00
Denda oleh mahkamah maksimum RM 2,000.00



PERINGATAN !!!

PENGUBAHSUAIAN BANGUNAN PADA BANGUNAN SEDIA ADA TANPA KELULUSAN
DARI MAJLIS ADALAH SATU KESALAHAN DI BAWAH AKTA JALAN,
PARIT & BANGUNAN 1974 (AKTA 133)

ELAKKAN DARI DIKENAKAN TINDAKAN !!!

SILA KEMUKAKAN PERMOHONAN PELAN BANGUNAN KEPADA
MAJLIS SEBELUM KERJA-KERJA PENGUBAHSUAIAN DIJALANKAN

SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :
JABATAN KAWALAN BANGUNAN
MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
DI TALIAN 03-31872825 SAMB. 123



#BEBASPLASTIK

7 HARI SEMINGGU!

Tiada lagi beg plastik percuma dan bekas
polistirena disediakan di premis perniagaan
berhampiran anda.

BEBASPLASTIK.MY



Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar,
Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna

